Risalah Umrah buat sahabat

Muhammad Aiman Ghazali Al-Payungi

Terbitan kedua edisi e-buku
Februari 2024
©Penerbitan Az-Zawiyah Al-Kurdiyyah

Penulis:
Muhammad Aiman Ghazali Al-Payungi

Penyunting:
Muhammad Syazani Satri Al-Jitrawi

Pihak penerbit memohon ampun kepada Allah ﷻ dan maaf kepada sidang pembaca atas sebarang kelemahan yang terkandung dalam tulisan ini.

Sebarang pembetulan atau cadangan adalah dialu-alukan dan boleh dihantar ke alamat e-mel: muhammadaljitrawiy@gmail.com

Isi Kandungan

Jadual Transliterasi 5
Pendahuluan Penulis 6
Bab 1: Pengenalan Umrah 7
Definisi Umrah 8
Hukum Mengerjakan umrah 8
Dalil Kefarduan 8
Kelebihan Umrah 10
Waktu Perlaksanaan 10
Perkara Wajib Umrah 10
Rukun-Rukun Umrah 11
Bab 2: Berniat Ihram 12
Berniat Ihram di Mīqāt 13
Lafaz Niat Umrah 13
Bab 3: Tawaf Umrah 15
Pengertian Tawaf 16
Lafaz Niat Tawaf 16
Syarat-Syarat Tawaf 16
Sunat-Sunat Tawaf 19
Bab 4: Sa῾ī umrah 21
Pengertian Sa῾ī 22
Lafaz Niat Sa῾ī 22
Syarat-Syarat Sa῾ī 22
Sunat-Sunat Sa῾ī 23
Bab 5: Bercukur atau Bergunting 24
Bab 6: Larangan Ketika Berihram 26
Larangan Yang Dikhususkan Bagi Lelaki Sahaja 27
Larangan Yang Dikhususkan Bagi Wanita Sahaja 31
Larangan Umum (Lelaki dan Wanita) 32
Bab 7: Kesimpulan Pergerakan Umrah 39
Bab 8: Tawaf Wadā῾ 42
Bab 9: Doa-Doa Umrah 45
Doa 1: Zikir Talbiah Haji dan Umrah 46

Doa 2: Doa Ketika Melihat Kaabah.....46
Doa 3: Doa Semasa Mengucup Ḥajar al-Aswad.....47
Doa 4: Doa antara Rukun Yamānī dan Ḥajar al-Aswad...47
Doa 5: Doa Semasa Tawaf.....48
Doa 6: Doa Selepas Solat Sunat Tawaf.....49
Doa 7: Doa Ketika Menaiki Ṣafā dan Marwah 51
Doa 8: Doa di Ṣafā 52
Doa 9: Doa dalam Sa῾ī antara Ṣafā dan Marwah.....54
Doa 10: Doa Meninggalkan Kota Madinah 54
Doa 11: Doa Meninggalkan Kota Makkah 55
Penutup 57

Jadual Transliterasi

Arab	Latin
أ\ء	’
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	ḥ
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z
س	s
ش	sh
ص	ṣ

Arab	Latin
ض	ḍ
ط	ṭ
ظ	ẓ
ع	‘
غ	gh
ف	f
ق	q
ك	k
ل	l
م	m
ن	n
هـ	h
و	w
ي	y

Vokal Panjang	
آ	Ā/ā
وْ	Ū/ū
يْ	Ī/ī

Vokal Pendek	
ـَـ	a
ـُـ	u
ـِـ	i

Pendahuluan Penulis

الْحَمْدُ للهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَآلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ،

أَمَّا بَعْدُ:

Tujuan penulisan ini dihasilkan adalah untuk membantu sahabat-sahabat sepengajian di Jordan untuk mengerjakan ibadah umrah.

Penulisan ini membahaskan isu-isu umrah secara ringkas agar semua lapisan masyarakat dapat memahaminya. Adapun masalah yang panjang-panjang, bolehlah dirujuk dalam kitab-kitab yang lebih besar. Adapun masalah-masalah yang dihimpunkan dalam risalah ini berdasarkan kitab-kitab fiqah Mazhab al-Syāfi῾ī dan fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Muzakarah Tabung Haji Kebangsaan.

Akhirnya, saya memohon maaf di atas segala kesilapan dan kekurangan yang berlaku. Semoga Allah Taala memuliakan kita semua dengan menganugerahkan keikhlasan dalam segala perbuatan dan perkataan kita.

Bab 1

Pengenalan Umrah

Definisi Umrah

Umrah dari segi bahasa bermaksud ziarah. Manakala dari segi syarak, bermaksud ziarah ke Baytullāh al- Ḥarām dengan cara-cara yang tertentu.

Hukum Mengerjakan Umrah

Menurut Mazhab al-Syāfi`ī, wajib sekali dalam seumur hidup jika sudah menepati syarat-syarat, dan ditunaikan dalam keadaan tenang (tidak tergesa-gesa[1]).

Dalil Kefarduan

Firman Allah Taala:

﴿ وَأَتِمُّوا۟ ٱلْحَجَّ وَٱلْعُمْرَةَ لِلَّهِ ۚ فَإِنْ أُحْصِرْتُمْ فَمَا ٱسْتَيْسَرَ مِنَ ٱلْهَدْىِ ۖ وَلَا
تَحْلِقُوا۟ رُءُوسَكُمْ حَتَّىٰ يَبْلُغَ ٱلْهَدْىُ مَحِلَّهُۥ ۚ فَمَن كَانَ مِنكُم مَّرِيضًا أَوْ بِهِۦٓ أَذًى مِّن
رَّأْسِهِۦ فَفِدْيَةٌ مِّن صِيَامٍ أَوْ صَدَقَةٍ أَوْ نُسُكٍ ۚ فَإِذَآ أَمِنتُمْ فَمَن تَمَتَّعَ بِٱلْعُمْرَةِ
إِلَى ٱلْحَجِّ فَمَا ٱسْتَيْسَرَ مِنَ ٱلْهَدْىِ ۚ فَمَن لَّمْ يَجِدْ فَصِيَامُ ثَلَٰثَةِ أَيَّامٍ فِى ٱلْحَجِّ
وَسَبْعَةٍ إِذَا رَجَعْتُمْ ۗ تِلْكَ عَشَرَةٌ كَامِلَةٌ ۗ ذَٰلِكَ لِمَن لَّمْ يَكُنْ أَهْلُهُۥ حَاضِرِى ٱلْمَسْجِدِ
ٱلْحَرَامِ ۚ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ وَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّ ٱللَّهَ شَدِيدُ ٱلْعِقَابِ ﴿١٩٦﴾ ﴾

[1] Kerana terdapat sebahagian mazhab mewajibkan melakukan umrah dengan segera apabila mencukupi syarat dan haram menangguhkannya lagi. Berbeza dengan Mazhab al-Syāfi`ī, dibenarkan untuk ditangguhkan.

Maksudnya: “Dan sempurnakanlah ibadah haji dan umrah kerana Allah. Tetapi jika kamu dikepung (oleh musuh), maka (sembelihlah) Hadyu (haiwan yang disembelih sebagai Dam) yang mudah didapati, dan jangan kamu mencukur kepalamu, sebelum Hadyu sampai di tempat penyembelihannya. Jika ada dalam kalangan kamu yang sakit atau mempunyai gangguan pada kepalanya (lalu dia bercukur), maka dia wajib membayar Fidyah, iaitu berpuasa, bersedekah, atau melakukan korban (Dam). Apabila kamu dalam keadaan yang aman, maka barang siapa mengerjakan umrah sebelum haji, dia(wajib menyembelih) Hadyu yang mudah didapati. Tetapi jika dia tidak mendapatkannya, maka dia (wajib) berpuasa tiga hari dalam (musim) haji dan tujuh (hari) setelah dia kembali. Keseluruhannya berjumlah sepuluh (hari). Demikian itu, bagi orang yang bukan penduduk Masjid al-Haram. Bertakwalah kepada Allah dan ketahuilah bahawa hukuman Allah sangat berat.”[2]

[2] Al-Baqarah, 196.

Kelebihan Umrah

Rasulullah ﷺ bersabda:

الْعُمْرَةُ إِلَى الْعُمْرَةِ كَفَّارَةٌ لِمَا بَيْنَهُمَا

Maksudnya: "Satu umrah ke umrah lainnya merupakan penghapus dosa di antara keduanya."[3]

Waktu Perlaksanaan

Harus pada bila-bila masa.

Perkara Wajib Umrah

1. Ihram di Mīqāt (Mīqāt Makānī seperti haji) dan sesiapa yang terlepas untuk ihram di Mīqāt Makānī, maka perlulah dia kembali ke tempat Mīqāt dan ihram di sana atau wajib ke atasnya fidyah (sembelih seekor kambing) sekiranya ia mengerjakan perbuatan umrah tanpa kembali ke mīqātnya. Sekiranya ia kembali semula kepada mīqāt sebelum mengerjakan perbuatan umrah, maka tidak wajib fidyah ke atasnya.

   ✓ **Faedah:**

   Jika para jemaah berkehendak untuk melakukan umrah kali kedua untuk dirinya atau untuk orang lain, maka perlulah dia keluar ke Mīqāt Makānī bagi orang Makkah,

[3] *Saḥiḥ Al-Bukhārī*, 1773.

yakni Tanah Halal di Makkah. Mīqāt Makānī yang terdekat ialah Tan῾īm. Maka, bagi para jemaah yang ingin niat ihram, maka berniatlah di sana.

2. Menjauhi perkara-perkara yang diharamkan ketika ihram (sama seperti haji).

Rukun-Rukun Umrah

1. Ihram: Perlulah dia berniat ihram ketika menuju ke Baytullāh al- Ḥarām untuk melaksanakan ibadah umrah.
2. Tawaf: Iaitu tawaf di Kaabah tujuh kali pusingan mengelilingi Kaabah dalam keadaan dia bersuci.
3. Sa῾ī: Iaitu antara Ṣafā dan Marwah dan disunatkan suci ketika melakukannya.
4. Bercukur atau bergunting: Yang perlu sekurang-kurangnya tiga helai rambut dan merupakan salah satu rukun. Menurut pendapat muktamad, bercukur dan bergunting merupakan salah satu rukun dari rukun-rukun umrah.
5. Tertib pada kesemua rukun.

Bab 2

Berniat Ihram

Berniat Ihram di Mīqāt

Seseorang yang ingin mengerjakan umrah mestilah berihram di tempat-tempat yang sudah ditetapkan oleh syarak, iaitu dipanggil tempat bermīqāt.

Tempat bermīqāt bagi ahli Makkah ialah di luar Tanah Haram, yakni pada Tanah Halal. Dan yang paling afdal adalah ia bermīqāt di Jiʿrānah, kemudian di Tanʿīm, kemudian di Ḥudaybiyah. Kemudian bagi orang yang datang dari luar Makkah, terdapat beberapa tempat yang ditetapkan iaitu:

i. Juḥfah: Mīqāt untuk orang daripada Mesir, utara Afrika, dan Türkiye.
ii. Dhū al-Ḥulayfah: Mīqāt untuk orang yang datang dari Madinah. Kini dikenali sebagai Bi'r ʿAlī.
iii. Yalamlam: Mīqāt ahli Yaman.
iv. Qarn al-Manāzil: Mīqāt orang timur (Najd).
v. Dhātu ʿIrqin: Mīqāt ahli Iraq.

Lafaz Niat Umrah

نَوَيْتُ الْعُمْرَةَ وَأَحْرَمْتُ بِهَا لله تَعَالَى

Maksudnya: "Sahaja aku berniat umrah dan berihram dengannya kerana Allah Taala."

✓ **Faedah:**

1. Bagi jemaah yang masuk ke Makkah melalui Malaysia, wajib berniat ihram sebelum pesawat melepasi Mīqāt Qarn al-Manāzil.
2. Wanita dalam keadaan haid tidak dihalang daripada berniat umrah.
3. Bagi wanita yang sedang suci dan menjangkakan haidnya akan tiba selepas berniat ihram, digalakkan berniat secara bersyarat untuk mengelakkan timbulnya masalah. Terutamanya jika tidak dapat menyempurnakan kerja-kerja umrah sedangkan waktu untuk pulang ke tanah air sudah hampir, dan haidnya masih belum kering. Lafaz niat umrah secara bersyarat seperti berikut:

   "Sahaja aku berniat umrah dan berihram dengannya kerana Allah Taala, sekiranya aku didatangi haid maka aku menjadi halal."

   Apabila datangnya haid, maka dia secara automatik terlepaslah dirinya daripada pantang larang ihram dan dia juga tidak terikat dengan kerja-kerja umrah lagi.
4. Wanita yang sedang suci dan khuatir kedatangan haid yang akan menyebabkan berlaku gangguan dalam perjalanan kerja-kerja umrahnya, dibolehkan memakan pil penahan haid, tetapi setelah mendapat nasihat daripada doktor wanita yang dipercayai.

Bab 3
Tawaf Umrah

Pengertian Tawaf

Maksud tawaf ialah mengelilingi Kaabah dengan syarat-syaratnya.

Apabila jemaah melihat Kaabah, maka sunat membaca doanya.

Lafaz Niat Tawaf

Lafaz niat tawaf umrah sebelum memulakan tawaf umrah:

اللَّهُمَّ إِنِّي أُرِيدُ طَوَافَ بَيْتِكَ الْحَرَامِ سَبْعَةَ أَشْوَاطٍ طَوَافَ الْعُمْرَةِ لِلّٰهِ تَعَالَى

Maksudnya: “Sahaja aku tawaf Baytullāh al-Ḥarām tujuh keliling tawaf umrah kerana Allah Taala.”

Syarat-Syarat Tawaf

1. Suci daripada hadas besar dan kecil;
   i. Disyaratkan mengambil wuduk sebelum melakukan tawaf.
   ii. Jika berlaku sentuhan kulit ketika tawaf dengan lelaki/wanita Ajnabī (asing), maka boleh berpegang kepada pendapat lemah Mazhab al-Syāfiʿī yang mengatakan apabila bersentuh kulit antara lelaki dan perempuan, maka terbatal wuduk yang menyentuh, bukan yang terkena sentuhan.

iii. Bagi wanita dalam haid, dia perlu tunggu sampai haidnya kering. Seterusnya mandi wajib, ambil wuduk, kemudiannya barulah dia boleh melakukan tawaf.

2. Suci daripada najis pada pakaian, badan, dan tempat tawaf.
3. Menutup aurat sebagaimana ketika solat.
4. Tawaf hendaklah dimulakan pada sudut Ḥajar al-Aswad.
5. Sewaktu berjalan melakukan tawaf, Baitullah hendaklah sentiasa berada di sebelah kiri bahu; jika ditolak akibat kesesakan ketika tawaf sehingga bahunya lari sedikit daripada bangunan Kaabah, maka hendaklah segera membetulkan bahunya itu menghala ke arah bangunan Kaabah.
6. Berjalan itu dengan tujuan tawaf; jika terdapat orang yang berpisah daripada kumpulannya atau pasangannya, lalu dia berjalan selepas itu bertujuan semata-mata untuk mencari kumpulannya atau pasangannya, maka batal pusingan itu sahaja, bukan semua pusingan.
7. Cukup tujuh keliling dengan yakin;
   i. Jikalau waswas ketika tawaf pada bilangan pusingan tawaf, maka hendaklah mengambil jumlah yang terkecil. Contohnya, jika jemaah waswas antara enam pusingan atau tujuh pusingan, maka dikira masih enam pusingan, maka jemaah hendaklah mencukupkan satu lagi pusingan.

ii. Jikalau tawaf secara berkumpulan, maka hendaklah menggunakan keyakinan sendiri dalam menentukan pusingan tawaf, walaupun bercanggah dengan rakan sekumpulan.

8. Tawaf itu hendaklah dilakukan di dalam masjid dan di luar dari bahagian Kaabah, seperti Ḥijr Ismā'īl dan Shādharwān; semasa tawaf, tidak boleh menyentuh bangunan Kaabah, kelambunya, Ḥijr Ismā'īl dan Shādharwān.



Sunat-Sunat Tawaf

1. Tawaf dengan berjalan kaki.
2. Beriḍṭibā` (memakai pakaian ihram dalam keadaan membuka bahu sebelah kanan) bagi lelaki sepanjang tawaf.
3. Berlari-lari anak bagi lelaki pada pusingan pertama, kedua, dan ketiga. Pada pusingan keempat sehingga ketujuh, jemaah lelaki berjalan seperti biasa.
4. Melakukan Istilām (sentuh) Ḥajar al-Aswad kemudian mengucupnya. Jika tidak mampu, disunatkan isyarat dengan tangan dari jauh sambil menyebut:

بِسْمِ اللهِ، اللهُ أَكْبَرُ

Maksudnya: "Dengan nama Allah, Allah Maha Besar."

Kemudian, kucup tapak tangan tanpa membunyikan suara kucupan tersebut.

Begitu juga sunat Istilām (sentuh) Rukun Yamānī, tetapi tidak sunat mengucupnya. Jika tak mampu, disunatkan isyarat dengan tangan dari jauh tanpa kucup tapak tangan tersebut sambil menyebut:

بِسْمِ اللهِ، اللهُ أَكْبَرُ

Maksudnya: "Dengan nama Allah, Allah Maha Besar."

- **Perhatian:** Hanya dinasihatkan melakukan isyarat sahaja pada dua tempat ini. Jika mahu mengucup Ḥajar al-Aswad, pastikan ia dilakukan di luar masa tawaf.

5. Membaca doa dan wirid.
6. Berturut-turut tujuh pusingan tawaf tersebut. Kalau penat, boleh berhenti dan sambung semula pada tempat berhenti tadi. Yang afdalnya, sambung pada penjuru Ḥajar al-Aswad.
7. Tawaf dengan tawaduk dan khusyuk.
8. Melakukan solat sunat dua rakaat setelah selesai tawaf di belakang Maqām Ibrāhīm.

Bab 4
Sa`ī Umrah

Pengertian Sa`ī

Berjalan ulang-alik antara bukit Ṣafā dengan Marwah.

Lafaz Niat Sa`ī

Lafaz niat sa'ī umrah sebelum memulakan sa'ī ketika berada di atas bukit Ṣafā:

اللَّهُمَّ إِنِّي أُرِيدُ أَنْ أَسْعَى بَيْنَ الصَّفَا وَالْمَرْوَةِ الْعُمْرَةَ لله تَعَالَى

Maksudnya: "Sahaja aku sa'ī umrah antara Ṣafā dan Marwah tujuh keliling kerana Allah Taala."

Syarat-Syarat Sa`ī

1. Hendaklah dilakukan selepas melakukan tawaf.
2. Mulai daripada bukit Ṣafā dan disudahi di bukit Marwah.
3. Cukup tujuh kali dengan yakin, iaitu dikira dari Ṣafā ke Marwah sekali dan dari Marwah ke Ṣafā sekali.
4. Hendaklah sa'ī sehingga sampai ke penghujung tempat sa'ī di bukit Ṣafā dan bukit Marwah pada tiap-tiap kali.
5. Hendaklah sa'ī di tempat yang ditentukan sekarang.
6. Mengekalkan niat untuk bersa'ī sepanjang masa melakukan sa'ī itu.

Sunat-Sunat Sa`ī

1. Keluar ke tempat sa`ī melalui pintu Ṣafā.
2. Menaiki bukit Ṣafā dan Marwah hingga sampai ke batu-batu bukit.

   Menghadap ke arah kiblat dan mengangkat kedua-dua belah tangan setiap kali berada di atas bukit Ṣafā dan Marwah sambil mengucapkan:

   اللهُ أَكْبَرُ، اللهُ أَكْبَرُ، اللهُ أَكْبَرُ، وَلله الْحَمْدُ

   Maksudnya: "Allah Maha Besar, Allah Maha Besar, Allah Maha Besar, segala puji hanya kepada Allah."
3. Berlari-lari anak bagi lelaki (tidak bagi wanita) apabila sampai di suatu tempat yang bertanda dengan lampu hijau.
4. Berturut-turut (Muwālāt) antara pusingan sa`ī.
5. Suci daripada hadas besar dan kecil serta menutup aurat.
6. Berjalan kecuali uzur. Maka boleh menggunakan kenderaan seperti kerusi roda.
7. Berdoa.

Bab 5
Bercukur atau Bergunting

Bercukur atau Bergunting

Selepas selesai melakukan saʿī, maka sampailah masanya bagi jemaah untuk bergunting atau bercukur bagi melepaskan dirinya daripada pantang larang ihram (Taḥallul). Afdal bercukur atau bergunting di Marwah.

Afdal bercukur kesemua sekali bagi lelaki, dan bagi wanita bergunting sahaja. Bagi yang botak licin, sunat baginya melalukan mata pisau di atas kepalanya.

Sunat bergunting (jika memilih untuk bergunting) sekurang-kurangnya tiga helai rambut sepanjang kadar ruas jari kuku pada hujung mana-mana rambut yang digunting. Jika kurang daripada saiz itu, masih dibolehkan.

Boleh menggunting rambut orang lain walaupun diri sendiri belum lagi bergunting. Namun, yang afdalnya gunting rambut sendiri terlebih dahulu, kemudian barulah menggunting rambut orang lain.

Dengan melalukan guntingan/cukuran ini, maka terlepaslah jemaah daripada segala pantang larang dalam ihram umrah.

Bab 6
Larangan Ketika Berihram

Larangan Ketika Berihram

Secara umumnya, pantang larang dalam ihram umrah boleh dibahagikan kepada tiga kategori:

1. Larangan yang dikhususkan bagi lelaki sahaja.
2. Larangan yang dikhususkan bagi wanita sahaja.
3. Larangan umum (lelaki dan wanita).

Larangan Yang Dikhususkan Bagi Lelaki Sahaja

1. Memakai pakaian bersarung/berjahit/bercantum seperti seluar, baju kemeja, stoking, kasut yang menutup jari-jari kaki dan tumit, kain pelekat, dan sebagainya.
   i. Seorang lelaki semasa dalam ihram haji atau umrah diharuskan melakukan perkara-perkara berikut tanpa wajib menyempurnakan Dam:
      a) Memakai kain pelekat dengan cara tidak disarungkan, walaupun kain pelekat tersebut bercantum antara dua penjurunya.
      b) Memakai kain tuala.
      c) Memakai kain pelekat lepas yang tidak bercantum antara dua penjurunya walaupun ada corak, berwarna-warni dan berbunga-bunga.
      d) Memakai tali pinggang, cincin, dan kaca mata.
      e) Memakai sepatu yang menampakkan jari-jari kaki dan mempunyai tali pengikat di atas tulang keting yang menampakkan tumit.

f) Menutup kaki dengan kain ihram.

g) Menyemat pin antara dua hujung penjuru kain ihram sebelah bawah, tetapi tidak dibenarkan bagi kain ihram di sebelah atas.

h) Bercawat dengan kain ihram yang tidak bersambung dan berjahit.

i) Memakai lampin pakai buang bagi yang berpenyakit kencing tidak lawas.

ii. Jika sekiranya seorang lelaki yang berada dalam ihram umrah memakai pakaian yang dilarang dalam kategori ini secara terlupa atau tidak sengaja, hendaklah dia menanggalkan pakaian tersebut dengan segera apabila dia ingat atau diberi ingat.

- **Perhatian:** Dia tidak berdosa dan tidak dikenakan Dam, tetapi jika dia melengah-lengahkan dalam keadaan dia mampu berbuat demikian, maka dia berdosa dan dikenakan Dam (Takhyīr dan Taqdīr).

✓ **Faedah:**

Dam Takhyīr dan Taqdīr boleh dipilih antara tiga perkara berikut:

a) Menyembelih seekor kambing di Tanah Haram Makkah yang sah dibuat korban, atau;

b) Bersedekah kepada enam orang fakir miskin di Tanah Haram Makkah. Setiap seorang dua cupak makanan asasi Makkah, atau;
c) Berpuasa tiga hari.

iii. Seorang lelaki yang berada dalam ihram haji atau umrah boleh memakai pakaian yang dilarang dalam kategori ini jika ada keperluan. Dia tidak berdosa akan tetapi diwajibkan ke atasnya membayar Dam (Takhyīr dan Taqdīr). Contohnya:
a) Memakai sarung lutut (*knee guard*) yang dipakai secara bersarung untuk melegakan sakit lutut. Jika dipakai *bandage* secara dililit, kemudiannya disemat dengan pin atau *strap on*, tidak mengapa dan tidak dikenakan Dam.
b) Memakai kasut pada kaki yang sihat untuk mengimbangi kasut yang dipakai pada kaki palsu.

2. Menutup kepala atau sebahagian daripadanya seperti songkok, kopiah, serban, kain ihram dan sebagainya.

i. Seorang lelaki semasa dalam ihram haji atau umrah diharuskan melakukan perkara-perkara berikut tanpa wajib menyempurnakan Dam:
a) Menggunakan payung.
b) Berteduh di bawah pokok.
c) Berteduh di bawah khemah.

ii. Jika sekiranya seorang lelaki yang berada di dalam ihram umrah memakai pakaian yang dilarang dalam kategori ini secara terlupa atau tidak sengaja, hendaklah dia menanggalkan pakaian tersebut dengan segera apabila dia ingat atau diberi ingat.

- **Perhatian:** Dia tidak berdosa dan tidak dikenakan Dam, tetapi jika dia melengah-lengahkan dalam keadaan dia mampu berbuat demikian, maka dia berdosa dan dikenakan Dam (Takhyīr dan Taqdīr).

Larangan Yang Dikhususkan Bagi Wanita Sahaja

1. Menutup muka.

i. Jika sekiranya seorang wanita yang berada dalam ihram haji atau umrah menutup mukanya dengan kain tudung secara lupa atau tidak sengaja, hendaklah dia menanggalkan pakaian tersebut daripada mukanya dengan segera apabila dia ingat atau diberi ingat.

Dia tidak berdosa dan tidak dikenakan Dam, tetapi jika dia melengah-lengahkan dalam keadaan dia mampu berbuat demikian, maka dia berdosa dan dikenakan Dam (Takhyīr dan Taqdīr).

ii. Seorang wanita yang berada dalam ihram haji atau umrah dibenarkan memakai penutup hidung atau mulut (*mask*) kerana sesuatu keperluan.

- **Perhatian:** Akan tetapi, dia diwajibkan menyempurnakan Dam (Takhyīr dan Taqdīr) dan dia tidak berdosa.

iii. Seorang wanita yang berada dalam ihram umrah boleh menutup muka dan hidungnya dengan tangan untuk mengelakkan habuk daripada masuk ke dalam hidung dan mulutnya itu tanpa wajib menyempurnakan Dam.

iv. Orang lelaki dibolehkan menutup mukanya semasa dalam ihram umrah kerana larangan ini hanya dikhususkan bagi wanita sahaja.

Larangan Umum (Lelaki dan Wanita)

1. Memakai sarung tangan.
   Boleh melindungi tangan di sebalik kain tudung atau kain ihram.

2. Memakai bau-bauan sama ada di badan, makanan, minuman, atau menghidunya ke dalam hidung.

i. Seseorang yang berada dalam ihram umrah boleh menggunakan:
   a) Ubat gigi, sabun mandi, dan syampu.
   b) Minyak angin.
      - **Perhatian:** Walaupun bahan-bahan ini berbau wangi. Ini kerana penggunaannya adalah atas niat kebersihan, bukannya untuk berwangi-wangian. Namun, yang terbaik adalah ditinggalkan kerana keluar daripada khilaf.

ii. Begitu juga dia boleh makan kek yang berperisa vanila dan minum air kotak teh wangi, kerana bahan pewangi yang digunakan itu adalah untuk menyedapkan makanan atau minuman tersebut sahaja, bukannya untuk berwangi-wangian.

iii. Jika sekiranya seseorang yang berada dalam ihram umrah memakai atau menghidu bau-bauan wangi secara terlupa atau tidak sengaja, hendaklah dia menghilangkan kesan bau-bauan tersebut dengan segera apabila dia ingat atau diberi ingat.

- **Perhatian:** Dia tidak berdosa dan tidak dikenakan Dam, tetapi jika dia melengah-lengahkan dalam keadaan dia mampu berbuat demikian, maka dia berdosa dan dikenakan Dam (Takhyīr dan Taqdīr).

iv. Jika seseorang yang sedang berada dalam ihram haji atau umrah dicalit atau disembur dengan minyak wangi pada badan atau pakaiannya tanpa kerelaannya, hendaklah dia menghilangkan kesan bau-bauan tersebut dengan segera.

- **Perhatian:** Dia tidak berdosa dan tidak dikenakan Dam, tetapi jika dia melengah-lengahkan dalam keadaan dia mampu berbuat demikian, maka dia berdosa dan dikenakan Dam (Takhyīr dan Taqdīr).

v. Seseorang yang berada dalam ihram umrah hendaklah berhati-hati ketika mengucup Ḥajar al-Aswad. Ini kerana ditakuti Ḥajar al-Aswad dilumur dengan minyak wangi. Jika diketahui ianya dilumur dengan minyak wangi, haram ke atasnya mengucup Ḥajar al-Aswad itu. Jika dia mengucup Ḥajar al-Aswad dalam keadaan tidak mengetahui ia dilumur dengan minyak wangi, hendaklah dia menghilangkan kesan bau wangi tersebut dengan segera. Dia tidak berdosa dan tidak wajib menyempurnakan Dam.

Jika dia tidak menghilangkan kesan bau wangi tersebut dengan segera, dia dikira berdosa dan dikenakan Dam (Takhyīr dan Taqdīr).

vi. Memakai semula kain ihram yang disapu dengan minyak wangi setelah ia ditanggalkan daripada badan adalah haram dan dikenakan Dam (Takhyīr dan Taqdīr).

vii. Kelambu Kaabah juga dilumur dengan minyak wangi.

- **Perhatian:** Jemaah yang berada dalam ihram haji atau umrah hendaklah berhati-hati ketika merapatkan tubuh ke dinding Kaabah supaya tidak terlibat menikmati bau wangi tersebut. Dia hendaklah bersegera menjauhkan diri jika menghidu bau wangi. Dia tidak berdosa dan tidak dikenakan Dam. Jika dia tidak bersegera menjauhkan dirinya daripada kelambu Kaabah yang wangi itu dengan segera, dia dikira berdosa dan wajib menyempurnakan Dam (Takhyīr dan Taqdīr).

viii. Wanita yang memakai tuala wangian (herba sahaja) adalah tidak berdosa dan tidak dikenakan Dam kerana tujuan pemakaiannya adalah untuk kesihatan, bukannya untuk berwangi-wangi.

3. Memakai minyak di kepala, janggut, dan semua bulu-bulu muka selain daripada yang tumbuh di pipi dan di dahi.

i. Jika sekiranya seseorang yang berada dalam ihram umrah memakai minyak pada bahagian tubuh yang tidak dibenarkan secara terlupa atau tidak sengaja, hendaklah dia menghilangkan kesan minyak tersebut dengan segera apabila dia ingat atau sedar atau diberi ingat.

- **Perhatian:** Dia tidak berdosa dan tidak dikenakan Dam. Jika dia melengah-lengahkan dalam keadaan dia mampu berbuat demikian, maka dia berdosa dan dikenakan Dam (Takhyīr dan Taqdīr).

ii. Memakai losen pelindung sinaran atau sinaran ultra ungu dibolehkan dengan syarat losen tersebut tiada wangian.

Walaupun begitu, jemaah dinasihatkan berhati-hati supaya tidak menggunakan losen tersebut untuk kecantikan. Niatkan untuk kesihatan.

4. Menanggalkan rambut atau bulu daripada mana-mana anggota badan.

i. Jika sekiranya seorang yang berada dalam ihram umrah menanggalkan rambut atau bulu secara sengaja, tidak sengaja, atau terlupa, dia tetap dikenakan Dam (Takhyīr dan Taqdīr).

- **Perhatian:** Tidak berdosa jika perkara ini berlaku secara tidak sengaja atau terlupa, tetapi berdosa jika dengan sengaja.

ii. Jika seseorang yang berada dalam ihram umrah menggugurkan rambutnya dengan cara menggosok-gosok rambutnya ketika mandi atau mengambil air wuduk (walaupun rambutnya jenis mudah gugur), dia tetap wajib menyempurnakan Dam tetapi tidak berdosa.

- **Masalah:** Jika rambut tersebut gugur dengan sendiri, maka tidak dikenakan Dam.

iii. Tidak dikenakan Dam ke atas orang yang berada dalam ihram umrah yang mendapati rambut atau bulu yang gugur atas tilam atau bantal ketika bangun daripada tidur.

Begitu juga keadaannya bagi wanita yang mendapati rambut-rambut yang tertinggal dalam serkup tudung kepalanya ketika dia menanggalkan serkup kepala tersebut.

5. Mengerat atau memotong kuku.
   i. Jika sekiranya seorang yang berada dalam ihram umrah mengerat atau memotong kuku secara sengaja, tidak sengaja, atau terlupa, dia tetap dikenakan Dam (Takhyīr dan Taqdīr).
      - **Perhatian:** Tidak berdosa jika perkara ini berlaku secara tidak sengaja atau terlupa. Tetapi berdosa jika dengan sengaja.
   ii. Jika kuku tertanggal sendiri, maka tidak dikenakan Dam.
   iii. Boleh mencabut kuku yang mengganggu keadaan jika sekiranya ia tidak dicabut, tanpa dikenakan Dam. Contohnya, kuku yang pecah akibat jari terkepit dengan sesuatu.
   iv. Harus mencabut kulit bibir, kaki, dan tangan yang mengelupas tanpa dikenakan Dam.
6. Memotong, menebang, mengerat, atau mencabut pokok-pokok di Tanah Haram Makkah.

- **Perhatian:** Pengharaman memotong, menebang, mengerat, atau mencabut pokok-pokok di Tanah Haram adalah berkait dengan pantang larang yang tidak boleh dilakukan dalam Tanah Haram itu sendiri, bukannya berkait dengan keadaan seseorang itu berada dalam ihram haji atau umrah.

7. Memburu binatang buruan darat yang halal dimakan atau membinasakannya di Tanah Halal atau Tanah Haram.
   i. Menangkap ikan yang hidup sama ada dalam kolam, sungai, atau laut tidak termasuk dalam larangan ini.
   ii. Jika seseorang memijak seekor belalang hingga mati, walaupun secara tidak sengaja, dia tetap wajib menyempurnakan Dam menurut nilai belalang tersebut.
   iii. Seseorang itu diharuskan membunuh nyamuk, lalat, dan labah-labah jika serangga-serangga tersebut mengganggunya tanpa dikenakan Dam.
   iv. Binatang buruan yang dimiliki di Tanah Halal seperti burung tekukur, burung merpati, kijang, rusa, arnab, dan sebagainya wajib dilepaskan menurut pendapat muktamad Mazhab al-Syāfiʿī. Tetapi pendapat kebanyakan ahli fiqah, tidak wajib dilepaskan sekiranya binatang-binatang itu tidak ada bersamanya sewaktu berihram.

8. Melakukan pendahuluan persetubuhan.
   i. Tidak dikenakan Dam ke atas orang yang berada dalam ihram haji atau umrah yang keluar air maninya akibat melihat wanita atau menyentuhnya atau dilamun khayal.
   ii. Suami isteri yang berada dalam ihram haji atau umrah boleh berpimpin tangan ketika melintas jalan.
   iii. Tidak salah seorang suami atau isteri memeluk pasangannya yang sakit jika pelukan itu adalah pelukan kasih sayang, bukannya pelukan bersyahwat.

9. Bersetubuh.

10. Berkahwin, atau mengahwinkan, atau menerima wakil kahwin.

Bab 7
Kesimpulan Pergerakan Umrah

Kesimpulan Pergerakan Umrah

1. Pertama sekali, perlulah mandi (sunat). Jika dia tidak mampu, maka bertayamumlah.
2. Kemudian bagi lelaki, perlulah dia bebas daripada memakai pakaian yang berjahit dan hanya memakai Ridā' dan Izār, dan tidak memakai kasut yang menutupi buku lali (wajib). Manakala bagi wanita, diharamkan baginya mengenakan pakaian yang menutupi muka dan tapak tangan.

   Disunatkan bagi para jemaah untuk solat sunat dua rakaat pada waktu yang bukan makruh, dan disunatkan juga untuk membaca pada rakaat pertama selepas al-Fātiḥah, surah al-Kāfirūn, dan pada rakaat kedua selepas al-Fātiḥah, surah al-Ikhlāṣ.
3. Ihram beserta niat (rukun) di Mīqāt Makānī (wajib), beserta talbiah sehingga para jemaah melihat Kaabah (sunat).

✓ **Faedah:** Disunatkan untuk meninggikan suara ketika bertalbiah, sama ada ketika menaiki kenderaan, mendaki bukit, atau menuruni bukit, dan juga pertukaran keadaan siang dan malam. Disunatkan untuk meninggikan suara bagi lelaki. Manakala bagi perempuan, perlu memperlahankan suaranya.

Lafaz talbiah:

لَبَّيْكَ اللَّهُمَّ لَبَّيْكَ، لَبَّيْكَ لَا شَرِيكَ لَكَ لَبَّيْكَ، إِنَّ الْحَمْدَ وَالنِّعْمَةَ لَكَ وَالْمُلْكُ، لَا شَرِيكَ لَكَ

Maksudnya: "Aku datang memenuhi panggilan-Mu ya Allah, aku datang memenuhi panggilan-Mu Tuhan yang tiada sekutu bagi-Mu, aku datang memenuhi panggilan-Mu. Sesungguhnya segala puji, nikmat, dan segenap kekuasaan adalah milik-Mu, Tuhan yang tiada sekutu bagi-Mu."

4. Tawaf sekitar Kaabah sebanyak tujuh kali pusingan dan dalam keadaan suci (rukun) yang dimulai dengan Ḥajar al-Aswad, dan disunatkan menyentuh Ḥajar al-Aswad dan mengucupnya atau isyarat dengan tangan di Rukun Yamānī dan berdoa ketika berada di situ.
5. Solat sunat dua rakaat di belakang Maqām Ibrāhīm a.s. (sunat) dan disunatkan juga untuk membaca pada rakaat pertama selepas al-Fātiḥah, surah al-Kāfirūn, dan pada rakaat kedua selepas al-Fātiḥah, surah al-Ikhlāṣ.
6. Sa'ī antara Ṣafā dan Marwah (rukun).
7. Bercukur atau bergunting ketika di Marwah atau di mana-mana tempat (rukun).

Selepas itu, para jemaah bertaḥallul daripada ihram maka berakhirlah umrahnya.

Bab 8

Tawaf Wadā`

Tawaf Wadā`

Mengikut Mazhab al-Syāfi`ī, tawaf Wadā` (selamat tinggal) adalah wajib bagi orang yang ingin kembali ke kampung halaman atau keluar dari kota Makkah melebihi dua marhalah sebelum memulakan perjalanan meninggalkan kota suci Makkah. Jemaah wajib melakukan tawaf Wadā` dengan mengikuti syarat-syarat dan sunat-sunat tawaf yang telah disebutkan sebelum ini.

Niatnya:

اللَّهُمَّ إِنِّي أُرِيدُ طَوَافَ بَيْتِكَ الْحَرَامِ سَبْعَةَ أَشْوَاطٍ طَوَافَ الْوَدَاعِ لله تَعَالَى

> "Sahaja aku tawaf Baytullāh al-Haram tujuh keliling tawaf Wadā` kerana Allah Taala."

Tawaf Wadā` ini dilakukan selepas segala persiapan untuk pulang ke tanah air sudah dilakukan seperti beg-beg sudah dikemaskan, urusan membeli-belah sudah selesai, dan pelbagai lagi urusan.

Wanita dalam haid dikecualikan daripada melakukan tawaf Wadā` ini. Cara yang sunat baginya untuk meninggalkan kota Makkah ialah pergi ke hadapan pintu Masjid al-Haram, memandang Kaabah dan melambai-lambai tangan dengan perasaan yang sayu.

Melakukan tawaf Wadā` ini terdapat sedikit perbezaan dengan tawaf umrah, iaitu:

i. Memakai pakaian biasa dengan menutup aurat. Bukan memakai kain ihram.
ii. Tidak melakukan iḍṭibā` (membuka bahu sebelah kanan) bagi lelaki sebab jemaah memakai pakaian biasa.
iii. Tiada perbuatan berlari-lari anak bagi lelaki pada pusingan pertama, kedua, dan ketiga.

❖ **Masalah:** Jika wanita yang sedang berada dalam keadaan haid berniat ihram umrah, tetapi dia masih tidak dapat menyempurnakan kerja umrah kerana haid masih ada sehinggalah sampai waktu berangkat pulang, maka dia perlu bertaḥallul Iḥṣār untuk melepaskan dirinya daripada pantang larang ihram. Caranya:

1. Hendaklah menyembelih seekor kambing yang sah dibuat korban dan bergunting dengan niat Taḥallul.
2. Daging kambing tersebut diagih-agihkan kepada fakir miskin tempatan (kota Makkah).

   Dengan ini, terlepaslah dirinya daripada segala pantang larang ihram.

Jika umrah tersebut umrah wajib, maka wajib qada. Jika umrah tersebut umrah sunat, tak wajib qada.

Bab 9

Doa-Doa Umrah

Doa 1: Zikir Talbiah Haji dan Umrah

Daripada Ibn ʿUmar r.a., Rasulullah ﷺ bersabda:

لَبَّيْكَ اللَّهُمَّ لَبَّيْكَ، لَبَّيْكَ لاَ شَرِيكَ لَكَ لَبَّيْكَ، إِنَّ الْحَمْدَ، وَالنِّعْمَةَ لَكَ وَالْمُلْكَ، لاَ شَرِيكَ لَكَ

Maksudnya: "Hamba-Mu datang menyahut panggilan-Mu ya Allah. Hambamu datang menyahut panggilan-Mu. Hamba-Mu datang menyahut panggilan-Mu. Tuhan yang tiada sekutu bagi-Mu. Hamba-Mu datang menyahut panggilan-Mu. Sesungguhnya segala puji dan nikmat dan kerajaan adalah kepunyaan-Mu, tiada sekutu bagi-Mu."

Doa 2: Doa Ketika Melihat Kaabah

Daripada Saʿīd bin al-Musayyib r.a. berkata ketika masuk ke dalam masjid dan memandang ke arah kiblat:

اللهَمَّ أَنْتَ السَّلَامُ وَمِنْكَ السَّلَامُ فَحَيِّنَا رَبَّنَا بِالسَّلَامِ

Maksudnya: "Ya Allah, Engkau sejahtera (daripada segala keaiban) dan daripada Engkau datangnya kesejahteraan, berikan kehormatan kepada kami wahai Tuhan kami, dengan kesejahteraan."

Doa 3: Doa Semasa Mengucup Ḥajar al-Aswad

1. Daripada Nāfiʿ bahawa ʿUmar ketika mengucup Ḥajar al-Aswad berkata:

بِاسْمِ اللهِ وَاللهُ أَكْبَرُ

Maksudnya: “Dengan nama Allah, Allah Maha Besar.”

2. Daripada ʿUbayd al-Muktib, daripada Ibrāhīm al-Nakhaʿi, beliau berkata ketika mengucup Ḥajar al-Aswad:

لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ وَاللهُ أَكْبَرُ، اللَهُمَّ تَصْدِيقًا بِكِتَابِكَ، وَسُنَّةِ نَبِيِّكَ ﷺ

Maksudnya: “Tiada Tuhan melainkan Allah, Allah Maha Besar. Ya Allah, kami beriman dengan kitab-Mu dan sunnah Nabi-Mu ﷺ.”

Doa 4: Doa antara Rukun Yamānī dan Ḥajar al-Aswad

Daripada ʿAbdullāh bin al-Sā’ib, beliau mendengar Nabi ﷺ bersabda antara Rukun Banī Jumaḥ dan Rukun al-Aswad:

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

Maksudnya: “Wahai Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, dan peliharalah kami dari seksa api neraka.”

Doa 5: Doa Semasa Tawaf

Daripada Abū Syuʿbah al-Bakrī berkata: “Aku terpandang Ibn ʿUmar yang sedang bertawaf di Baitullah. Beliau berkata:

لا إلهَ إلاَّ اللهَّ وحْدهُ لاَ شَرِيكَ لهُ، لَهُ المُلْكُ، ولَهُ الحمْدُ، بِيَدِهِ الخَيْرُ، وَهُو عَلَى كُلِّ شَيءٍ قَدِيرٌ

> Maksudnya: “Tiada Tuhan melainkan Allah yang Satu, tiada sekutu bagi-Nya, bagi-Nya kekuasaan dan bagi-Nya segala pujian, dan Dia berkuasa atas setiap perkara. “Beliau kemudian berdoa:

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

> Maksudnya: “Wahai Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, dan peliharalah kami dari seksa api neraka.”

Apabila beliau telah beredar, aku bertanya: “Wahai Abu ʿAbd al-Raḥmān, aku mendengar engkau menyebut begini dan begini? Beliau berkata: “Engkau mendengar aku menyebutnya?” Aku membalas: “Ya.” Beliau kemudiannya menjawab: “Itulah ia. Aku telah memuji Tuhanku, dan telah membuat penyaksian akan sebuah kesaksian yang benar. Aku juga telah memohon kepada-Nya kebaikan di dunia dan akhirat.”

Aku menyukai setiap kali aku selari dengannya (iaitu Ḥajar al-Aswad), untuk bertakbir dan menyebut ketika berlari-lari anak:

اللَهُمَّ اجْعَلْهُ حَجًّا مَّبْرُورًا وَسَعْيًا مَّشْكُورًا وَذَنْبًا مَّغْفُورًا

Maksudnya: “Ya Allah, jadikanlah hajiku ini haji yang mabrur, dosa yang diampuni, dan saʿī yang diterima.”

Dan pada pusingan tawaf keempat, membaca:

اللَهُمَّ اغْفِرْ وَارْحَمْ، وَاعْفُ عَمَّا تَعْلَمْ، وَأَنْتَ الأَعَزُّ الأَكْرَمُ، اللَهُمَّ آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

Maksudnya: “Ya Allah, ampunilah, rahmatilah, ampunkanlah, apa-apa yang Engkau ketahui (tentang dosa kami). Dan Engkau ya Allah Maha Tinggi dan Maha Pemurah. Wahai Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, dan peliharalah kami dari seksa api neraka.”

Doa 6: Doa Selepas Solat Sunat Tawaf

Daripada Nāfiʿ, beliau berkata: “Setiap kali Ibn ʿUmar r.a. datang untuk mengerjakan haji atau umrah, beliau akan bertawaf di Baitullah dan solat dua rakaat. Duduknya (selepas itu) lebih lama daripada berdiri sambil memuji Tuhannya dan satu perkara, semasa telah selesai solat, beliau menyebut di antara Ṣafā dan Marwah:

اللَهُمَّ اعْصِمْنِي بِدِينِكَ وَطَاعَةِ رَسُولِكَ ﷺ، اللَّهُمَّ جَنِّبْنِي حُدُودَكَ، اللَهُمَّ اجْعَلْنِي مِمَّنْ يُحِبُّكَ وَيُحِبُّ مَلَائِكَتَكَ، وَرُسُلَكَ، وَعِبَادَكَ الصَّالِحِينَ، اللَهُمَّ حَبِّبْنِي إِلَيْكَ، وَإِلَى مَلَائِكَتِكَ، وَرُسُلِكَ، وَعِبَادَكَ الصَّالِحِينَ، اللَهُمَّ آتِنِي مِنْ خَيْرِ مَا تُؤْتِي عِبَادَكَ الصَّالِحِينَ فِي الدُّنْيَا وَالآخِرَةِ. اللَهُمَّ يَسِّرْنِي لِلْيُسْرَى، وَجَنِّبْنِي العُسْرَى، وَاغْفِرْ لِي فِي الآخِرَةِ وَالأُولَى، اللَهُمَّ أَوْزِعْنِي أَنْ أُوَفِّيَ بِعَهْدِكَ الَّذِي عَاهَدْتَنِي عَلَيْهِ. اللَهُمَّ اجْعَلْنِي مِنْ أَئِمَّةِ المُتَّقِينَ، وَاجْعَلْنِي مِنْ وَرَثَةِ جَنَّةِ النَّعِيمِ، وَاغْفِرْ لِي خَطِيئَتِـي يَوْمَ الدِّينَ

Maksudnya: “Ya Allah, jagalah aku dengan agama-Mu, dan ketaatan kepada Rasul-Mu ﷺ, Ya Allah, jauhkan aku dari batasan-Mu. Ya Allah, jadikanlah aku termasuk dalam kalangan mereka yang mencintai-Mu, malaikat-malaikat-Mu, Rasul-rasul-Mu, dan hamba-hamba-Mu yang soleh. Ya Allah, jadikanlah aku dalam kalangan yang dicintai-Mu, malaikat-malaikat-Mu, Rasul-rasul-Mu, dan hamba-hamba-Mu yang soleh.

Ya Allah berikanlah aku yang terbaik yang Engkau berikan kepada hamba-hamba-Mu yang soleh di dunia dan akhirat. Ya Allah, permudahkanlah bagiku, dan jauhkan aku daripada kesulitan, dan ampunilah aku di akhirat dan juga di dunia. Ya Allah, izinkanlah aku untuk memenuhi perjanjian-Mu yang telah Engkau janjikan kepadaku. Ya Allah,

jadikanlah aku termasuk dalam kalangan pemimpin orang-orang yang bertakwa, dan jadikanlah aku termasuk orang-orang yang mewarisi syurga yang penuh kenikmatan, dan ampunilah dosaku pada hari kiamat."

Doa 7: Doa Ketika Menaiki Ṣafā dan Marwah

Daripada Jābir bin `Abdullāh r.a., beliau berkata: "Aku mendengar Rasulullah ﷺ ketika keluar daripada masjid untuk menuju ke Ṣafā, baginda bersabda: "Kita akan mulakan dengan apa yang Allah mulakan." Maka Baginda memulakan dengan Ṣafā dan membaca:

إِنَّ الصَّفَا وَالْمَرْوَةَ مِنْ شَعَائِرِ اللهِ

Maksudnya: "Sesungguhnya Ṣafā dan Marwah itu ialah sebahagian daripada Syiar (lambang) agama Allah."

Dan apabila baginda berdiri di atas Ṣafā, baginda akan bertakbir tiga kali dan bersabda:

لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ، أَنْجَزَ وَعْدَهُ، وَنَصَرَ عَبْدَهُ، وَهَزَمَ الْأَحْزَابَ وَحْدَهُ

Maksudnya: “Tiada Tuhan selain Allah Yang Maha Esa, tiada sekutu bagi-Nya, bagi-Nya kerajaan dan bagi-Nya pujian, dan Dia Maha Kuasa atas segala sesuatu. "Tiada Tuhan selain Allah, Dia menepati janji-Nya, menjadikan hamba-Nya menang, dan mengalahkan golongan sendirian.”

Kemudian baginda mengulangi ucapan ini tiga kali, turun dari Ṣafā, berjalan sehingga kakinya tertanam di dasar lembah, menjalankan saʿī sehingga baginda berusaha untuk keluar dari situ (selesai).

Doa 8: Doa di Ṣafā

Daripada Nāfiʿ r.a., bahawa beliau mendengar ʿAbdullāh bin ʿUmar r.a. berdoa ketika beliau berada di Ṣafā dengan katanya:

اللَّهُمَّ إِنَّكَ قَلْتَ: ﴿ٱدْعُونِيٓ أَسْتَجِبْ لَكُمْۚ﴾ وَإِنَّكَ لَا تُخْلِفُ الْمِيعَادَ، وَإِنِّي أَسْأَلُكَ كَمَا هَدَيْتَنِي إِلَى الإِسْلَامِ أَلَا تَنْزِعَهُ مِنِّي حَتَّى تَتَوَفَّانِي، وَأَنَا مُسْلِمٌ اللَّهُمَّ اعْصِمْنَا بِدِينِكَ، وَطَوَاعِيَتِكَ، وَطَوَاعِيَةِ رَسُولِكَ، وَجَنِّبْنَا حُدُودَكَ، اللَّهُمَّ اجْعَلْنَا نُحِبُّكَ، وَتُحِبُّ مَلَائِكَتَكَ، وَأَنْبِيَاءَكَ وَرُسَلَكَ، وَيُحِبُّ عِبَادَكَ الصَّالِحِينَ، اللَّهُمَّ حَبِّبْنَا إِلَيْكَ وَإِلَى مَلَائِكَتِكَ، وَإِلَى أَنْبِيَائِكَ، وَرُسُلِكَ، وَإِلَى عِبَادِكَ الصَّالِحِينَ، اللَّهُمَّ يَسِّرْنَا لِلْيُسْرَى، وَجَنِّبْنَا وَجَنِّبْنَا الْعُسْرَى، وَاغْفِرْ لَنَا فِي الْآخِرَةِ وَالْأُولَى وَاجْعَلْنَا مِنْ أَئِمَّةِ الْمُتَّقِينَ

اللَّهُمَّ أَحْيِنِي عَلَى سُنَّةِ نَبِيِّكَ ﷺ، وَتَوَفَّنِي عَلَى مِلَّتِهِ، وَأَعِذْنِي مِنْ مُضِلَّاتِ الْفِتَنِ.

Maksudnya: “Ya Allah, Engkau berfirman: “Berdoalah kamu kepada-Ku nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu.” Dan Engkau tidak memungkiri janji. Aku memohon kepada-Mu sebagaimana Engkau telah memberi petunjuk kepadaku kepada Islam, Janganlah Engkau mencabutnya daripada-Ku hingga kematianku dalam keadaan aku seorang Muslim. Ya Allah, jagalah aku dengan agama-Mu, dan ketaatan kepada-Mu, kepada Rasul-Mu, dan jauhkanlah aku dari batasan-Mu. Ya Allah jadikanlah kami mencintai-Mu, dan mencintai malaikat-malaikat-Mu, dan Nabi-nabi-Mu, dan Rasul-rasul-Mu, dan mencintai hamba-hamba-Mu yang soleh. Mudahkanlah bagi kami untuk sebarang kemudahan, dan jauhilah kami, dan jauhkanlah sebarang kesusahan. Ampunilah kami di akhirat dan dunia, dan jadikanlah kami termasuk pemimpin orang-orang yang bertakwa. Ya Allah, hidupkanlah aku menurut sunnah Nabi-Mu ﷺ, dan matikanlah aku dalam agamanya, dan lindungilah aku dari ujian-ujian yang menyesatkan.”

Doa 9: Doa dalam Sa`ī antara Ṣafā dan Marwah

1. Daripada `Abdullāh bin Mas`ūd r.a., beliau turun daripada Ṣafā dan berkata:

رَبِّ اغْفِرْ وَارْحَمْ، إِنَّكَ أَنْتَ الْأَعَزُّ الْأَكْرَمُ

Maksudnya: "Tuhan, ampunilah dan kasihilah. Sesungguhnya Engkau adalah Maha Perkasa lagi Maha Mulia."

2. Daripada Abū Isḥāq r.h., beliau berkata: "Aku mendengar Ibn `Umar berkata antara Ṣafā dan Marwah:

رَبِّ اغْفِرْ وَارْحَمْ، إِنَّكَ أَنْتَ الْأَعَزُّ الْأَكْرَمُ

Maksudnya: "Tuhan, ampunilah dan kasihilah. Sesungguhnya Engkau adalah Maha Perkasa lagi Maha Mulia."

Doa 10: Doa Meninggalkan Kota Madinah

اللَّهُمَّ لَا تَجْعَلْ هَذَا آخِرَ العَهْدِ بِحَرَمِ رَسُوْلِكَ، وَيَسِّرْ لِيَ العَوْدَ إِلَى الحَرَمَيْنِ سَبِيْلًا سَهْلَةً، بِمَنِّكَ وَفَضْلِكَ وَارْزُقْنِيَ العَفْوَ وَالعَافِيَةَ فِي الدُّنْيَا وَالآخِرَةِ، وَرُدَّنَا سَالِمِيْنَ غَانِمِيْنَ إِلَى أَوْطَانِنَا آمِنِيْنَ

Maksudnya: "Ya Allah, jangan jadikan ini akhir kesempatan pertemuanku dengan Tanah Haram Rasul-Mu. Mudahkanlah aku untuk kembali kepada dua tanah suci ini (Makkah dan Madinah) dengan

mudah dan ringan dengan anugerah dan kemurahan-Mu. Anugerahkanlah aku keampunan dan afiat di dunia dan akhirat. Dan kembalikanlah kami ke tanah air kami dalam keadaan selamat, meraih banyak pahala, dan aman."

Doa 11: Doa Meninggalkan Kota Makkah

اللَّهُمَّ، الْبَيْتُ بَيْتُكَ، وَالعَبْدُ عَبْدُكَ، وَابْنُ عَبدِكَ، وابْنُ أمَتِكَ، حَمَلْتَنِي عَلَى مَا سَخَّرْتَ لِي مِنْ خَلْقِكَ، حَتَّى سَيَّرْتَنِي فِي بِلَادِكَ، وَبَلَّغْتَنِي بِنِعْمَتِكَ حَتَّى أَعَنْتَنِي عَلَى قَضَاءِ مَنَاسِكِكَ، فَإِنْ كُنْتَ رَضِيتَ عَنِّي فَازْدَدْ عَنِّي رِضًى، وَإِلَّا فَمِنَ الْآنَ قَبْلَ أَنْ يَنْأَى عَنْ بَيْتِكَ دَارِي، هَذَا أَوَانُ انْصِرَافِي، إِنْ أَذِنْتَ لِي غَيْرَ مُسْتَبْدِلٍ بِكَ وَلَا بِبَيْتِكَ، وَلَا رَاغِبٍ عَنْكَ وَلَا عَنْ بَيْتِكَ، اللَّهُمَّ فَأَصْحِبْنِي العَافِيَةَ فِي بَدَنِي وَالعِصْمَةَ فِي دِينِي، وَأَحْسِنْ مُنْقَلَبِي، وَارْزُقْنِي طَاعَتَكَ مَا أَبْقَيْتَنِي وَاجْمَعْ لِي خَيْرَيْ الْآخِرَةِ وَالدُّنْيَا، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Maksudnya: "Ya Allah, Baitullah ini rumah-Mu, hamba ini hamba-Mu, anak kepada hamba lelaki-Mu dan hamba perempuan-Mu. Engkau telah membawaku di atas ciptaan-Mu yang telah Engkau mudahkan buatku, sehinggalah Engkau memperjalankan aku di negeri-negeri-Mu. Engkau juga telah sampaikan kepadaku dengan nikmat-Mu, sehinggalah Engkau membantu aku menyempurnakan ibadat-Mu. Andai Engkau reda akan daku, tambahkanlah redamu akan daku. Andai

tidak, maka redailah daku bermula sekarang sebelum rumahku menjauhi rumah-Mu. Ini adalah saat pemergianku andai Engkau izinkan buatku, tanpa aku menggantikan-Mu dan rumah-Mu, bukan juga dengan benci kepada-Mu dan rumah-Mu. Ya Allah, pasangkanlah kesihatan pada tubuhku dan keselamatan buat agamaku, perelokkanlah tempat kembaliku, rezekikanlah bagiku ketaatan kepada-Mu selama mana Engkau sisakan aku, serta himpunkanlah buatku kebaikan akhirat dan dunia. Sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas segala sesuatu."

Penutup

الْحَمْدُ للهِ الَّذِي بِنِعْمَتِهِ تَتِمُّ الصَّالِحَاتُ

Telah selesai risalah yang begitu ringkas ini dengan taufik dan hidayah dari Allah Taala.

Semoga ianya bermanfaat buat sekalian yang membacanya. Sekiranya terdapat kesilapan, saya dengan merendah diri memohon teguran dari semua.

وَاللهُ أَعْلَمُ،

وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ للهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

Muhammad Aiman Ghazali Al-Payungi

14 Januari 2020